

CETUSAN



Edisi 2017

9.0

**KARYA
MURID**

**MUTIARA
KATA**

BUDAYA

TATABAHASA

**TIPS
MENGARANG**

**Menangi
Hadiah**
Sertai peraduan
Cetusan Minda



SIDANG EDITOR

Editor

Cikgu Fadial Jamaludin, Cikgu Rosnah Rosman dan Cikgu Norhayati Ruhani

Guru-guru yang terlibat

Cikgu Amilia Baba, Cikgu Fadhillah Md Hussin, Cikgu Khairyanie Kamsani, Cikgu Hairani Amin, Cikgu Norlila Abdul Ghani, Cikgu Rohani Ishak, Cikgu Suzana Miswari, Cikgu Zaleha Tosirmia

Pentadbiran

Sekolah Rendah Lianhua

Dicetak oleh

Imprint Media

Ditaja oleh

Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) dan Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Bukit Batok East



Malay Language Learning
and Promotion Committee

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan di dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua bentuk atau melalui apa-apa juga cara, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis dari Sekolah Rendah Lianhua.

Sidang editor berhak menyunting tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat Cetusan 9.0. Segala sumbangan yang dikirimkan, sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang editor tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

KANDUNGAN

**Karya
Murid**

6



Tatabahasa

26

**Mutiara
Kata**

27



**Tips
Mengarang**

28

Budaya

29

Peribahasa

30

Pertandingan

32



**Siapa
Aku**

35



Sajak

34



KATA ALUAN

Mencintai Bahasa

Majalah Cetusan 9.0 ini merupakan hasil kolaborasi antara guru-guru dari sembilan buah sekolah rendah di kawasan barat. Majalah ini mempamerkan karya murid-murid serta guru-guru.

Tujuan majalah ini diterbitkan adalah untuk menyediakan bahan bacaan tambahan untuk murid-murid dan bahan pengajaran. Di samping itu, majalah ini memberikan ruang untuk mempamerkan karya murid-murid dan sekaligus menjadi pelantar bagi perkongsian karya murid-murid yang terbaik.

Selain dijadikan tatapan, majalah ini boleh dijadikan bahan rujukan pada masa mendatang oleh semua lapisan masyarakat. Diharapkan majalah ini dapat memberikan manfaat kepada para pembaca.

Setinggi penghargaan kepada guru-guru dan murid-murid yang telah menyumbang penulisan mereka. Tidak lupa juga kepada pihak pengetua dari sekolah-sekolah yang terlibat kerana memberikan sokongan terhadap projek ini. Diharapkan wadah ini dapat terus memartabatkan dan melestarikan bahasa.



Encik Haji Omar Ismail

Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC)
Bukit Batok East



KATA ALUAN

Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

Sememangnya, amat penting bagi satu masyarakat itu kekal bersatu dalam segala usaha demi kebaikan semua. Kerjasama 9 buah sekolah di kawasan barat Singapura dan MAEC Bukit Batok East dalam menghasilkan Cetusan 9.0 mencerminkan bagaimana jika kita bersatu, kita dapat mewujudkan satu sinergi yang memberi kesan yang positif.

Sememangnya, sudah ada hubungan baik antara sekolah-sekolah dan guru-guru Bahasa Melayu dengan kumpulan akar umbi di kawasan Jurong atau secara amnya, di kawasan barat Singapura. Acara seperti Pesta Bahasa dan sambutan Bulan Bahasa, yang telah diadakan selama beberapa tahun, telah mendapat sambutan yang menggalakkan.



Saya gembira melihat hubungan ini terus dilanjutkan melalui kelahiran Cetusan 9.0. Usaha mengumpulkan karya-karya para pelajar dan memaparkan ilmu tentang tatabahasa, budaya dan sebagainya untuk kegunaan guru di dalam kelas sememangnya satu usaha sama yang amat bermakna. Cetusan 9.0 ini menjadi satu wadah perkongsian idea dan ilmu yang saya yakin akan membawa manfaat untuk pelajar.

lanya merupakan satu sumber yang boleh digunakan guru-guru dan ibu bapa dalam usaha mengajarkan Bahasa Melayu kepada anak-anak kita.

Syabas saya ucapkan kepada semua sekolah-sekolah, guru-guru, para pelajar dan ahli jawatankuasa MAEC yang terlibat! Saya juga mengalu-alukan sokongan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) kepada usaha ini. Besar harapan saya agar usaha ini dapat diteruskan buat jangka masa panjang. Diharapkan juga, inti patinya dapat terus ditambah dan diperhalusi. Mungkin usaha-usaha akar umbi juga boleh ditonjolkan dalam majalah ini agar memberi pemahaman yang menyeluruh tentang usaha kemasyarakatan dalam mempertingkatkan kehidupan penduduk di Singapura.

Semoga kita sentiasa bersatu dan berusaha bersama untuk terus mempertingkatkan pelbagai aspek kehidupan masyarakat kita!



Puan Rahayu Mahzam
Penasihat Jawatankuasa
Akar Umbi Jurong
MP bagi Jurong GRC





SAMBUTAN HARI IBU

"Aisyah! Cepatlah sedikit buat kerja. Ibu dan ayah akan balik tidak lama lagi," perintah Siti.

Pagi Ahad itu, Siti dan adiknya, Aisyah, berhempas-pulas di dapur membuat sarapan untuk ibu mereka sebagai kejutan Hari Ibu. Ibu dan bapa mereka sedang keluar bersenam di stadium berdekatan. Siti sedang menjerang air untuk membuat teh. Aisyah pula, sedang ligat mengupas telur rebus. Mereka bercadang hendak menyediakan sandwich telur dan sandwich tuna kegemaran Ibu.

Sementara menunggu, Aisyah dan Siti menonton televisyen. Mereka sedang seronok menonton cerita kegemaran mereka sehingga terlupa sandwich yang disiapkan.

Tiba-tiba, bau menyesakkan nafas mereka berdua dan memedihkan mata mereka. Aisyah dan Siti pun pergi ke dapur sambil menutup hidung mereka. Sandwich telur dan tuna hangus!

Dengan se pantas kilat, mereka pun mematikan api dapur dan membuang sandwich-sandwich. Mereka membuka tingkap dan hidupkan kipas untuk menghilangkan asap yang berada di rumah. Akhirnya, asap pun sudah tiada di rumah. Mereka berdua berasa kesal kerana tidak memberi perhatian pada masakan mereka. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

Nampaknya niat murni mereka adik-beradik hendak memberi kejutan yang istimewa untuk ibu mereka tidak kesampaian. Hati mereka seperti kaca jatuh ke batu. Mujurlah ayah Siti mengajak mereka sekeluarga bersarapan di restoran kegemaran mereka. Sekurang-kurangnya, tercapai jugalah hasrat mereka hendak menyambut Hari Ibu bersama ibu yang tercinta.



Nur Insyirah Bte Noor Azman
Darjah 5 Honesty
Sekolah Rendah Gan Eng Seng



AKIBAT TERLUPA MEMBAWA DOMPET

Pada hari Isnin yang lalu, seperti biasa, Puan Salmah, ibu Siti dan Abu, bangun awal untuk menyiapkan sarapan sementara menunggu anak-anaknya bersiap untuk ke sekolah. Sudah menjadi kebiasaan Puan Salmah untuk memastikan Siti dan Abu tidak perut kosong di sekolah.

Sebaik sahaja sudah lengkap berpakaian seragam, Siti dan Abu terus ke dapur untuk bersarapan. Semasa menikmati roti yang disapu mentega, mereka berbual-bual tentang kerja sekolah yang diberi oleh guru masing-masing. Selepas menghabiskan air Milo kegemaran mereka, Siti dan Abu pun mencium tangan ibu mereka lalu berangkat ke sekolah.

Pada masa inilah, Puan Salmah mengemas rumah dan mencuci pinggan-pinggan kotor sebelum bersiap untuk ke pasar. Puan Salmah mengambil masa sepuluh minit untuk bersiap. Dia pun terus ke pasar yang terletak berdekatan dengan rumahnya. Dia menolak sebuah troli kerana pada hari itu, ada banyak barangan dapur yang hendak dibelinya. Lagipun, hari itu, Puan Salmah bercadang hendak memasak lauk asam pedas.

Puan Samah terus ke gerai yang menjual ikan-ikan segar. Setelah memilih beberapa ekor ikan kembung, Puan Salmah menyerahkan ikan-ikan itu kepada penjual ikan untuk ditimbang. Semasa penjual ikan itu menimbang ikan-ikan yang dipilih itu, Puan Salmah membuka dompetnya untuk mengambil wang. Alangkah terkejutnya Puan Salmah apabila mendapati dompetnya itu tiada sesen wang pun.

Puan Salmah menjadi panik dan malu. Dia tidak tahu apa yang harus dilakukannya. Tanpa membuang masa, dia terus berkata kepada penjual ikan itu,

“Encik, bolehkah Encik menyimpankan ikan itu untuk saya sementara saya pulang ke rumah untuk mengambil wang?”

“Baiklah. Ikan-ikan ini berharga enam dolar sahaja. Saya letak ikan ini di sini. Awak pergilah

ambil duit awak,” kata penjual ikan yang baik hati itu.

Tiba-tiba, rasa lega menyelubungi diri Puan Salmah apabila dia ternampak suaminya. Dia bertanya suaminya jika dia mempunyai wang yang cukup untuk membayar penjual ikan itu. Setelah mengambil duit daripada suaminya, Puan Salmah terus memberikan enam dolar kepada penjual ikan itu.

Nasib Puan Salmah sungguh baik kerana suaminya yang baru pulang dari kerja berada di pasar itu kerana hendak membeli buah-buahan. Jika tidak pasti Puan Salmah terpaksa pulang ke rumah dan kembali semula ke pasar. Puan Salmah akan lebih berhati-hati dan memeriksa dompetnya setiap kali sebelum keluar dari rumah.



**Nurussamawati Binte
Yaakob**

Darjah 5-6
Sekolah Rendah St.
Anthony's



Pengalaman yang telah merubah hidupku

Cuaca pada hari itu sungguh berangin. Awan putih yang berbulu melayang di langit dan angin yang bertiup dengan kencang membuat pokok-pokok itu bergoyang dengan kencang. Aku sedang pulang dari sekolah dengan kakakku, Amira. Aku tersenyum lebar kerana guru memberitahu bahawa aku telah lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan. Aku tidak sabar untuk memberitahu ibuku. Semasa aku hendak menyeberangi jalan raya, aku ternampak seorang wanita yang membuang sebahagian burger yang dimakannya ke dalam tong sampah. Perbuatan wanita itu membuat fikiranku menerawang jauh mengingat semula perkara yang berlaku beberapa tahun yang lalu. Tidak mungkin untuk aku lupakan peristiwa itu.

Aku merupakan seorang budak yang keras hati. Aku suka membuang makanan yang berlebihan dan seringkali tidak menghabiskan makananku. Ayah dan ibu selalu berpesan agar aku menghabiskan semua makanan dan elakkan dari pembaziran. Aku tidak menghiraukan kata-kata mereka dan mengulangi perbuatanku itu. Ayah dan Ibu cuba menasihati aku agar aku berhenti tabiat buruk itu tetapi mereka gagal. Setiap hari, kebimbangan mereka bertambah. Pada malam itu, seperti biasa, selepas membuang sisa makananku yang tidak habis, aku pun terlena di sofa.

Tiba-tiba, aku berada di sebuah tempat yang tiada orang awam dibenarkan masuk. Kawasan di sekeliling aku amat panas dan berbau busuk. Tempat itu gelap dan mengerikan. Sejenak kemudian, aku terdengar suara-suara yang penuh kemarahan. Ia seperti menuju ke arah aku. Apabila aku menoleh ke belakang, aku terlihat sesisir pisang, semangkuk nasi, sebantol roti dan beberapa jenis makanan yang lain boleh berkatakata. Di sebelah kiri dan kanan, aku ternampak orang-orang miskin kelaparan, juga berlari menuju ke arahku. Mereka semua bersuara lantang penuh kemarahan, mengejar aku.

"Kau budak yang tidak bersyukur! Berikan kami makanan itu! Kami lapar!"

"Kau sombong dan tidak berhati perut!"

Kata-kata kesat terus membanjiri teriakan mereka. Aku mula bingung dan berasa takut.

"Makanan boleh berbicara? Dari manakah orang-orang miskin itu?"

Terlalu banyak soalan bermain di fikiranku. Tanpa berlengah, aku cuba melarikan diri daripada mereka tetapi kakiku tiba-tiba tidak boleh bergerak. Kedua-dua belah kakiku terasa kaku dan seperti telah melekat ke lantai. Mereka semakin dekat dan pada ketika itu terlihat seperti taring keluar dari makanan-makanan itu. Aku pun menutup mataku dengan cepat.

"Aduh!" Aku pun menggosok-gosok punggungku sambil membuka mataku perlahan-lahan.

Rupa-rupanya, aku bermimpi buruk dan telah jatuh tergolek ke lantai dari sofa yang aku terlena tadi. Ibu memarahiku kerana tidur pada waktu senja. Dahiku berpeluh-peluh dan nafasku tercungap-cungap.

"Pon! Pon! Tiba-tiba, sebuah bas berlalu di depan mataku. Aku terperanjat seketika. Baru aku sedar bahawa aku hanyut dalam khayalanku semasa hendak menyeberangi jalan raya. Mujur, tiada apa-apa yang berlaku. Aku menarik nafas lega. Mulai hari itu, aku mula mengubah cara hidupku dengan mengurangkan pembaziran dan membuang tabiat burukku itu. Ayah dan ibu bangga melihat usahaku untuk tidak membazirkan makanan lagi.



Nur Zahrina Binte Zainal Abideen

Darjah 5 Honesty
Sekolah Rendah
Lianhua

AKIBAT BERMAIN BOLA DI LUAR KELAS



"Haziq, Gazy! Ayuh main bola sepak selepas waktu sekolah nanti!" Faiz mengajak dua orang rakannya, Haziq dan Gazy.

"Bolehlah, tetapi kami mesti pulang ke rumah pada jam empat setengah petang," jawab

Haziq dan Gazy serentak tanda setuju.

Faiz ialah ketua pasukan bola sekolahnya. Dia gemar bermain bola bersama Haziq dan Gazy. Dia juga tidak henti-henti bercakap tentang bola sepak. Faiz juga seorang budak yang bertanggungjawab. Haziq pula, nakal orangnya tetapi dia sangat bijak. Gazy juga bijak dan dia ialah anak emas ibu dan bapanya. Dia tidak pernah dimarahi oleh mereka.

Setelah waktu sekolah tamat, Faiz, Haziq dan Gazy berlari ke kantin untuk membeli makanan ringan. Mereka memakan dengan cepat sebab mereka ingin bermain bola sepak. Selepas mereka memakan makanan mereka, Haziq mencadangkan agar mereka bermain di luar kelas Bahasa Melayu yang terletak di tingkat empat kerana pintu pagar yang menghalang ke padang bola sepak sekolah mereka dikunci. Pada mulanya, Faiz dan Gazy tidak bersetuju tetapi setelah Haziq memujuk, mereka bersetuju. Mereka berjanji akan bermain dengan senyap supaya guru-guru tidak tahu atau mendengar perbuatan mereka yang sedang bermain bola.

Mereka berasa seronok. Mereka bermain dengan bersungguh-sungguh. Walaupun telah letih, mereka tetap bermain dan tidak mahu berhenti. Tidak lama kemudian, Haziq mencadangkan agar Gazy menjadi penjaga gawang dan Faiz pula menendang bola ke dalam gawang. Mereka pun bersetuju. Semasa Faiz menendang bola, bola yang ditendangnya dengan kuat itu, tersasar lalu melantun ke arah tingkap kaca bilik darjah mereka. Gazy cuba menangkap bola itu tetapi sudah terlambat.

Bola itu terkena tingkap kaca lalu tingkap kaca itu pecah berderai. Serpihan kaca bertaburan

di lantai. Sebaik sahaja Haziq ternampak apa yang terjadi, dia mengajak rakan-rakannya melarikan diri tetapi hanya Gazy yang mengikut cadangannya. Faiz tidak mengikut mereka. Dia hanya berdiri tergamam melihat keadaan tingkap kaca itu. Beberapa saat kemudian, Cikgu Rudy, guru pasukan bola sepak, muncul di tempat itu.

Cikgu Rudy menyoal Faiz beberapa soalan. Faiz menjawab semua soalan yang ditanyakan dengan jujur. Faiz tidak tahu apa yang Cikgu Rudy akan lakukan tetapi dia tahu yang dia akan didenda.

Keesokan harinya tibalah perlawanan bola sepak yang dinanti-nantikan oleh Faiz. Cikgu Rudy telah menggantikan ketua kumpulan pasukan bolanya. Faiz juga tidak dibenarkan bermain bola sepak pada hari itu. Di rumah, Faiz memberitahu ibu bapanya apa yang berlaku. Dia sedar kini bahawa dia tidak seharusnya bermain bola sepak di luar kelas.



Muhammad Faiz Bin Yazid

Darjah 5 Integrity
Sekolah Rendah
Princess Elizabeth

DI KEDAI BUKU

Cuaca pada hari itu panas terik seperti kala menjengkang menggigit kulit. Ketika itu, loceng sekolah baru berbunyi, menandakan waktu sekolah sudah tamat. Ramai murid berebut-rebut berlari ke arah pagar sekolah. Ramai ibu bapa sedang menanti anak-anak mereka di sana. Aini menunggu Siti di kantin yang riu-rendah seperti pasar. Mereka telah berjanji untuk pergi ke Kedai Buku 'ABC' bersama-sama. Hubungan Aini dan Siti memang rapat, bagai isi dengan kuku. Aini asyik melihat jam tangannya dan dia mula berasa tidak sabar. Dia sudah menunggu Siti selama sepuluh minit. Tidak lama kemudian, Siti muncul sambil tersengih. Dia melambai ke arah Siti sambil tersenyum. Mereka pun berjalan perlahan-lahan ke kedai buku.

Sebaik sahaja Siti dan Aini melangkah masuk ke dalam kedai buku itu, mereka tersenyum lebar. Pelbagai poster digantung untuk memberitahu para pelanggan mengenai jualan murah yang berlangsung di sana. Kedai yang berhawa dingin itu riu-rendah. Ramai pelanggan sedang membeli barang-barang pilihan mereka. Siti menoleh ke kanan dan ternampak seorang pekerja sedang sibuk melayan beberapa orang pelanggan di kaunter pembayaran. Seorang lagi pekerja sedang sibuk menyusun alat-alat tulis di sebuah rak. Mungkin stok baru tiba. Tiba-tiba, mata Aini tertarik kepada sesuatu objek yang berkelau-kilauan. Kakinya bergerak cepat ke arah objek tersebut. Dia ternampak sebuah kotak pensel yang telah lama dia idamkan.

Ketika itu, di bahagian alat tulis tersebut, tiada ramai orang. Aini sudah mula tertarik dengan kotak pensel yang berharga \$15.90 itu. Di dalam hatinya, dia tahu yang dia tidak mampu untuk membeli kotak pensel tersebut. Namun, dia masih berdegil walaupun dinasihati oleh Siti. Mereka mula bertengkar seperti anjing dan kucing. Siti berkata di dalam hatinya,

"Mengapalah kawan aku seorang ini degil sangat?"

Siti hanya mampu memerhati kelakuan Aini yang kepala batu itu.

Aini menoleh ke kanan dan ke kiri untuk memastikan tiada orang melihat. Dia meletakkan kotak pensel ke dalam begnya. Siti sudah puas menasihati Aini tetapi dia memang keras hati dan tidak mahu mendengar nasihat Siti. Aini tidak menghiraukan Siti. Siti berkata kepada Aini,

"Aini, janganlah awak curi kotak pensel itu. Mencuri itu salah!"

"Saya mahu kotak pensel itu!" jawab Aini dengan tegas.

Siti tidak menyangka yang Aini akan mencuri.

Aini meninggalkan Siti lalu berjalan keluar dari Kedai Buku 'ABC' itu. Siti berkata di dalam hatinya,

"Mengapakah Aini harus mencuri kotak pensel itu? Apakah yang harus aku lakukan sekarang?"

Siti membuat keputusan untuk memberitahu pengawal keselamatan bahawa rakannya, Aini telah mencuri sebuah kotak pensel. Siti ambil hati dengan perangai dan perbuatan Aini yang hanya memikirkan dirinya sendiri.

Selepas Siti memberitahu pengawal keselamatan itu, dia mula mengejar Aini. Aini berlari laju meninggalkan Siti untuk menyelamatkan dirinya. Beberapa minit kemudian, Aini berasa sangat letih. Pengawal keselamatan itu berjaya untuk menangkap Aini. Aini dibawa ke sekolah untuk berjumpa dengan pengetua sekolah. Siti pulang ke sekolah bersama Aini. Ibu bapa Aini dipanggil ke sekolah untuk berjumpa dengan pengetua sekolah yang memang terkenal dengan kegarangannya. Ibu bapa Aini diberitahu bahawa Aini akan digantung sekolah selama satu minggu. Aini berasa menyesal dengan kelakuannya. Dia meminta maaf kepada Siti kerana tidak mendengar nasihatnya. Aini mengatakan bahawa,

"Siti, saya mahu meminta maaf. Saya tahu apa yang saya buat itu salah."

"Saya sudah lama memaafkan awak," kata Siti sambil memeluk erat kawannya yang sangat disayangi itu.

Aini berjanji yang dia tidak akan mencuri lagi. Dia akan berubah untuk masa yang akan datang. Siti dan Aini menjadi lebih rapat semenjak kejadian itu.

Nur Hakimah Binte Mohd Basri

Darjah 5 Perseverance
Sekolah Rendah Bukit View



HADIAH AKU

"Mengapakah Aku dimasukkan ke dalam kotak yang panas dan gelap ini?" tanya Robit di dalam hatinya.

Aku masih ingat diriku telah ditangkap oleh seorang budak lelaki. Walau bagaimana pun, Aku menarik nafas lega kerana Aku masih boleh bernafas. Aku dapat rasakan pada ketika itu, badanku bergoyang-goyang.

"Selamat hari jadi Diana!" terdengar pekikan budak lelaki itu.

"Terima kasih Danish," kata Diana dengan lemah lembut.

Barulah Aku tahu budak lelaki yang membawaku ke situ bernama Danish. Kemudian, Aku terdengar nyanyian lagu hari jadi untuk Diana. Sungguh riuh keadaan di situ. Selepas Diana meniup lilin dan memotong kek hari jadinya, Danish menyuruh Diana membuka kotak yang berisi Aku. Aku berasa panik. Namun Aku berasa gembira kerana akhirnya, Aku dapat keluar dari tempat gelap itu.

Pada mulanya Diana tidak mahu membuka kotak itu. Namun setelah dipujuk oleh Danish, Diana akhirnya bersetuju. Dia pun tidak mahu mengecilkan hati kawan sedarjannya itu.

Secara tiba-tiba, badanku terhuyung-hayang. Dunia seperti berpusing. Kemudian mataku terasa silau akibat terkena sinaran lampu yang berwarna-warni di rumah itu. Aku berasa ghairah kerana banyak mata yang memerhatikanku. Aku pun melompat keluar dari kotak itu. Aku dapat melihat keadaan di sekelilingku. Hiasan di rumah itu sungguh cantik.

Sedang Aku melompat-lompat menikmati keadaan di sekelilingku, Aku terdengar pekikan orang. Aku tersentak dan melompat ke atas meja yang penuh dengan juadah. Orang ramai lari bertemparan kerana ketakutan. Adakah mereka takut akan diriku ini?

Aku pun bercadang untuk melarikan diriku. Nasibku malang. Semasa Aku hendak melompat ke arah tingkap, kakiku tersangkut pada reben yang dihias di meja itu. Meja itu terbalik dan semua juadah itu bertaburan di lantai. Aku terduduk di sudut ruang tamu itu. Keadaan menjadi semakin huru-hara. Semua tetamu meninggalkan majlis itu. Kasihan Aku melihat Diana. Aku terdengar Diana memekik memanggil nama Danish sebelum Aku keluar dari rumah itu.

"Sekarang baru puas hati aku Diana," kata Danish kepada Diana.

"Apakah maksud kamu membuat perkara ini Danish?" tanya Diana sambil menangis teresak-esak.

Baru Aku tahu bahawa Danish tidak puas hati dengan Diana kerana Diana pernah melaporkan kesalahan Danish kepada pengetua sekolah. Pada pendapat Aku, Diana hanya menjalankan tugasnya sebagai ketua murid. Aku tidak pasti apa yang akan berlaku selepas majlis itu. Aku pun segera melompat keluar ke arah tingkap meninggalkan mereka. Aku tidak mahu diriku ditangkap lagi. Aku tidak sangka ada juga orang seperti Danish yang menggunakan Aku untuk memalukan orang lain. Sungguh malang nasibku sebagai seekor katak.



Nur Ainy Nafeesah

Darjah 5A
Sekolah Rendah
Dazhong

PERISTIWA DI KOLAM RENANG

Cuaca pada hari itu cerah dan indah. Sang matahari bersinar ceria dan kepulan awan putih bak kapas menghiasi langit yang kebiru-biruan. Ali, Kamal dan Sam baru sahaja tamat sekolah untuk hari itu.

“Hah! Saya ada rancangan. Mari kita pergi berenang!” jerit Ali kepada rakan-rakannya.

Sam pun membuat keputusan untuk berenang bersama Ali. Kamal pula enggan kerana ingin mengulangkaji pelajaran sekolah. Namun, setelah dipujuk oleh kedua rakannya itu, Kamal pun ikut serta untuk ke kolam renang.

Mereka bertiga menuju ke Kolam Renang Delta. Mereka menukar pakaian sebaik sahaja tiba di sana. Kamal menasihati rakan-rakannya untuk tidak berenang di bahagian kolam renang yang dalam untuk mengelak sebarang kecelakaan. Kamal amat prihatin tentang rakan-rakannya.

Mereka bertiga pun bermain dengan seronok di kolam renang. Sudah lama mereka tidak berkunjung ke kolam renang kerana sibuk dengan hal sekolah. Sambil Sam dan Kamal bermain, Ali pergi berenang sendirian. Dengan tidak diduga, Ali berenang ke bahagian yang lebih dalam. Dia terasa dirinya semakin tenggelam dan mula terkapai-kapai meminta tolong.

“Tolong! Tolong!” teriak Ali.

Kamal dan Sam berasa cemas melihat Ali lemas. Seorang pengawal penyelamat yang sedang bertugas melihat apa yang berlaku dan terjun ke dalam kolam renang itu untuk menyelamatkan Ali. Hati Kamal dan Sam berdebar-debar menyaksikan apa yang telah berlaku.

Pengawal penyelamat itu memberi bantuan pnafasan kepada Ali setelah berjaya mengeluarkan Ali dari kolam renang itu. Ali kelihatan tidak bermaya. Kamal dan Sam terketa-ketar ketakutan. Mereka risau tidak terhingga.

Tiba-tiba Ali terbatuk dan mula sedarkan diri. Kamal dan Sam berasa lega kerana rakan mereka selamat. Ali dibawa ke hospital untuk rawatan segera. Ibu bapa Ali juga telah dimaklumkan tentang apa yang berlaku. Selepas dirawat, Kamal dan Sam menjenguk Ali dan bertanya kepadanya.

“Kamu tidak apa-apa Ali?”

Kamal dan Sam sangat bersyukur Ali tidak

cedera parah. Ali juga amat berterima kasih kerana telah diselamatkan dengan pantas. Dia tidak dapat terbayang nasibnya jika tidak diselamatkan segera. Kamal dan Sam menasihati Ali supaya lebih berhati-hati pada masa hadapan dan juga berehat dengan cukup agar pulih sepenuhnya.



Puteri Balqis
Darjah 6
Compassion
Sekolah Rendah
Gan Eng Seng

MALU

Seperti biasa, Hasyim berjalan pulang ke rumahnya selepas sekolah tamat. Cuaca sangat panas terik tengah hari itu. Sambil menyanyi lagu kegemarannya, Hasyim terfikir apa yang dia mahu makan apabila sampai di rumah nanti.

Di dalam perjalanan, tiba-tiba Hasyim ternampak seorang budak lelaki dari sekolahnya terjatuh daripada basikalnya. Hasyim mendapati basikal budak itu agak remuk keadaannya. Hasyim mentertawakan budak itu, bukan menolongnya. Kasihan budak itu. Tangannya berdarah dan basikalnya pula rosak. Dia menangis kerana tangannya berasa sakit. Hasyim tidak menolongnya. Malahan, Hasyim beredar dari situ.

Tiba-tiba, muncul seekor anjing liar dari celah-celah semak-samun di situ. Anjing itu mengejar Hasyim dari belakang sambil menyalak dengan kuat. Hasyim cuba melarikan diri dari anjing itu tetapi anjing itu semakin menghampiri Hasyim. Hasyim berasa amat takut. Peluh sejuk menitis sebutir-butir di dahinya. Anjing itu seakan-akan mahu menggigit Hasyim.

Budak yang jatuh dari basikal itu ternampak apa yang terjadi kepada Hasyim. Walaupun tangan budak itu cedera, dia telah mengambil sebatang kayu dan cuba menghalau anjing itu dengan menggunakan kayu itu. Dia sangat berani untuk berbuat demikian memandangkan tangannya yang masih berdarah dan anjing

yang berdepan dengannya adalah seekor anjing liar yang garang. Namun budak itu berjaya menghalau anjing itu kerana anjing itu takut pada kayu yang dipegangnya.

Hasyim berasa amat malu kerana dia telah mentertawakan tanpa membantu budak lelaki itu tadi. Hasyim meminta maaf daripadanya dengan penuh keinsafan.

"Saya minta maaf kerana telah mentertawakan awak. Saya tidak membantu awak sedangkan awak sudi membantu saya walaupun tangan awak sakit," kata Hasyim kepada budak itu sambil menunduk malu.

Budak itu memaafkan Hasyim dengan ikhlas. Sejak peristiwa itu, mereka menjadi rakan baik. Hasyim telah meminta bantuan ayahnya untuk memperbaiki basikal budak itu. Sejak kejadian itu juga, mereka pergi dan pulang dari sekolah bersama-sama.



Za'im Akmal Bin Zaini

Darjah 6-4
Sekolah Rendah St. Anthony's



PADAH JIKA TIDAK BERSIKAP

JUJUR

Angin malam bertiup sayu melewati jendela, sambil menyapa sepi wajahku. Aku sedang duduk di sudut sel penjara. Matakku tertumpu pada lantai kotor sambil fikiranku menerawang jauh mengingati kesilapan silam. Aku kesal benar dengan tindakanku itu.

Pada malam yang sunyi, aku membelek-belek bil-bil elektrik sambil menikmati secawan kopi. Fikiranku kusut melihat jumlah bil yang sudah lama tertunggak. Sudah lama aku memikirkan cara untuk mendapatkan wang untuk membayar bil-bil itu. Tiba-tiba, tercetus idea di benak mindaku.

Tanpa membuang masa, aku bergegas ke bilik dan menghidupkan komputerku. Aku melayari laman 'Carousel' yang menjual beg-beg yang cantik dan berharga setinggi gunung. Laman 'Carousel' adalah satu wadah untuk kita menjual beli barangan. Setelah berjam-jam aku melayarinya, aku akhirnya memuat naik gambar-gambar beg untuk dijual di laman perniagaan itu. Aku berharap usaha ini berbaloi.

Setelah beberapa hari menunggu, aku akhirnya berhasil menarik perhatian seseorang untuk membeli beg tersebut. Aku memberitahunya bahawa beg tersebut asli bukan tiruan. Sebenarnya, kenyataan yang aku berikan kepadanya palsu belaka. Perasaan gembira menyeliputi diriku. Tanpa membuang masa aku menghantar beg itu kepada pelanggan yang telah memesan beg tersebut melalui perkhidmatan hantaran barang-barang. Setelah pelanggan itu menerima beg tersebut, dia memaklumkan kepada aku bahawa dia sudah membayar wang itu melalui transaksi bank. Gembira sungguh hati ini.

Tanpa membuang masa, aku pergi ke bank dan mengambil wang tersebut. Aku menguntumkan senyuman sinis. Cerita belum lagi berakhir, aku meneruskan dengan kegiatan haram ini. Aku menipu ramai orang akibat sikap tamak yang telah merasuk diri ini.

Malang tidak berbau. Pada suatu malam sedang aku menonton perlawanan bola sepak

di televisyen, tiba-tiba, kedengaran bunyi ketukan di pintu. Aku mematikan televisyen lalu mempercepatkan langkah menuju ke pintu. Kakiku terpeka di lantai dan mulutku melopong tatkala melihat dua orang pegawai polis terpegat di depan rumahku. Dalam sekelip mata, tanganku digari dan aku dibawa ke balai polis. Kebahagiaan yang aku nikmati padam dengan serta-merta. Aku diberkas kerana tindak-tanduk aku yang telah melanggar undang-undang. Rupa-rupanya ramai pelanggan telah membuat aduan polis tentang perilakuku. Peristiwa yang aku lalui ini bak pepatah sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga.

Guruh yang kuat membuat aku tersentak dari lamunanku. Di sudut sel penjara, aku terjelompok duduk sambil mengenangkan nasib dan masa depanku yang malap. Perasaan menyesal menyelubungi diriku. Aku benar-benar berharap semoga sinar mentari akan bercahaya lagi.



Imam Ghozali Bin Othman
Darjah 6 Honesty
Sekolah Rendah
Lianhua

DUIT RAYA

Keriang berbunga di lubuk hatiku
Sedang bertolak ke rumah bersama saudara
Di dalam lori
Yang sebesar gergasi
Lantas dilanda perasaan ghairah

Sedang mengira jumlah yang diraih
Daripada duit raya yang telah diberi
Oleh pak cik
Dan mak cik
Yang sangat sangat sangat murah hati

Aku bermimpi menjadi kaya
Dengan duit itu aku akan menderma
Kepada anak yatim
Dan warga tua
Supaya dapat meringankan beban mereka

Duit Raya
Duit Raya
Boleh Digunakan Dengan Berfaedah

Tatkala aku sakit selesema
Aku boleh gunakan duit raya
Untuk membeli ubat
Supaya jadi sihat
Daripada membeli baju yang cantik amat

Aku boleh mendirikan sebuah masjid
Yang boleh membuat manusia tertarik
Untuk bersembahyang
Kepada Tuhan yang esa
Supaya kita semua dapat pahala

Aku tahu cara gunakan
Duit raya dengan menimbulkan kebaikan
Sambil boleh memupuk sikap mulia
Seperti prihatin dan bertimbang rasa

Duit raya
Duit raya
Kau amat berguna



Raiyan Syazani Bin Shahrin

Darjah 6 Excellence
Sekolah Rendah
Lianhua



SATU PERISTIWA YANG MENGUBAH HIDUPKU

Aku melihat batu nisan kubur nenekku, Nek Jah dengan penuh sayu. Tanah liat di perkuburan nenekku membawa ingatanku kembali menjangkau kenangan silam yang mengubah hidupku.



Nek Jah terpaksa menjagaku selepas ibu bapakku meninggal dunia akibat kemalangan kapal terbang. Pada ketika itu, mereka dalam perjalanan ke Dubai untuk hal kerja. Malang tidak berbau, kapal terbang tersebut tidak berfungsi ketika di udara lalu terhempas jatuh dan meletup. Tidakkusangka, dalam sekelip mata, aku menjadi seorang

anak yatim piatu.

Namun, peristiwa itu tidak cukup untuk aku mengubah perangai burukku. Aku mempunyai hidung mancung seiras gunung Everest yang mencakar langit. Senang kata, aku hidung tinggi dan juga keras hati. Pada masa itu, aku sungguh degil dan tidak mahu mendengar nasihat Nek Jah. Mungkin kerana aku mendapat kebebasan yang tidak pernah aku rasakan ketika bersama arwah ibu dan bapakku. Pesan Nek Jah ialah selalu solat, dengar cakap orang yang lebih tua dan jaga mulut.

Malangnya, duniaku menjadi gelap ketika Nek Jah telah dimasukkan ke hospital akibat kencing manis dan sakit jantung. Hari berganti hari, bulan berganti bulan tetapi, nenekku tetap tidak boleh pulang rumah dari hospital.

Keesokan harinya, aku terdengar sesuatu bunyi dari wad nenekku.

"Teet..." sebuah mesin bersebelahan nenekku berbunyi dengan kuat sekali.

Doktor segera masuk ke dalam wad nenekku untuk memeriksa nenekku. Degupan jantungku begitu kencang. Tidak lama kemudian, doktor pun keluar dan memberitahu aku yang nenekku tidak dapat diselamatkan. Air mataku mula bergenang di kelopak mata.

Beberapa jam kemudian, makcikku, Cik Alya sampai di depan rumahku.

"Cik, Shasha menyesal berkelakuan begitu kepada arwah nenek. Apakah yang harus Shasha lakukan untuk mendoakan nenek?" aku bertanya

kepada makcikku sambil menangis.

Makcikku memberitahuku yang aku harus belajar untuk solat, mengaji dan yang penting sekali untuk menjadi seorang yang lebih bertanggungjawab.

Semenjak hari itu, makcikku mengajarku solat dan mengaji. Setiap hari, aku akan mendoakan Nek Jah dan meminta maaf kepada Allah s.w.t. tentang kelakuanku pada masa lalu. Aku juga cuba mengubah diriku dengan menjadi lebih bertanggungjawab. Aku mula membuat kerja rumahku, menolong makcikku membersihkan seluruh rumah dan lain-lain lagi.

Pada keesokan harinya, Cikgu Su memberikan kami kerja rumah yang agak banyak. Selalunya, aku berkeras hati dan tidak mahu membuat kerja sekolah, tetapi sekarang aku akan pastikan yang aku akan menghabiskan kesemua kerja rumahku pada hari yang sama. Aku pun selalu mendapat markah penuh untuk ujian kelasku. Aku juga mendapat hadiah daripada Cikgu Su kerana aku mendapat markah yang cemerlang untuk kesemua subjekku.

Sekarang, hidupku telah menjadi lebih bahagia walaupun Cik Alya yang menjagaku. Aku tidak mahu menjadi seperti kacang lupakan kulit jadi, aku akan pergi ke kubur keluargaku setiap hari Ahad. Sudah beberapa tahun aku belajar di kolej dan akhirnya, aku mendapat tawaran untuk memasuki universiti di luar negara.

Lamunanku terhenti apabila titisan hujan menyentuh tubuhku.

"Shasha, mari kita balik," kata Cik Alya kepadaku. Aku bangun sambil tersenyum lalu masuk ke dalam kereta. Kejadian itulah yang telah mengubah hidup aku.



**Nadhrh Imaan Binte Mohamed
Nor Eyzrah Aqirah Binte Sharin
Nur Ifqah Binte Hazly**

Darjah 6 Respect
Sekolah Rendah Bukit View



MEMENUHI IMPIAN IBU

Ahmad mengeluh lagi. Bagaimana dia harus menerangkan hal ini kepada ibunya. Ahmad dapat bayangkan reaksi ibunya apabila dia mengetahui apa yang terjadi. Satu lagi keluhan terlepas dari mulut Ahmad.

Tiba-tiba, Ahmad melihat ibunya berdiri tergegat di pintu biliknya. Ahmad berasa kaku. Jantungnya berdegap-degup kencang. Dengan suara yang teragak-agak, Ahmad terus memberitahu ibunya tentang keputusan pertandingannya. Ahmad gagal ke peringkat separuh akhir pertandingan bermain piano peringkat antarabangsa. Ahmad meminta maaf. Ibunya berasa amat marah dan tidak mahu menerima sebarang alasan. Satu tamparan yang kuat hinggap di pipi Ahmad. Ibu memarahi Ahmad dengan nada yang berang. Ahmad menangis tersedu-sedu.

Sejak kejadian itu, kata-kata ibunya terngiang-ngiang di telinga Ahmad. Ahmad mahu menjadi seorang penari seperti arwah ayahnya tetapi ibu Ahmad melarang niatnya itu.

Sejak kecil, Ahmad telah dilatih ibunya bermain piano. Ibunya seorang pemain piano yang terkenal semasa dia remaja dahulu. Ibunya telah berhenti bermain piano semenjak berumah tangga dengan arwah ayah Ahmad. Semenjak itu, ibunya memaksa Ahmad untuk memenuhi impian ibunya.

Ahmad sudah menjadi seorang pemain piano yang terbaik di sekolahnya tetapi keinginan ibunya tidak berhenti di situ. Dia mahu Ahmad memasuki pertandingan bermain piano di peringkat antarabangsa. Ahmad menanam impiannya menjadi seorang penari seperti arwah ayahnya. Dia cuba untuk memenuhi impian ibunya kerana Ahmad amat sayangkan ibunya.

Setelah kematian ayahnya, ibu Ahmad adalah sumber kekuatan Ahmad. Ibunya tempat Ahmad mencurah kasih sayang. Walaupun ibu Ahmad orangnya baran, dia tidak pernah mencuaikan tanggungjawabnya sebagai seorang ibu.

Apabila Ahmad sedang menyeberang jalan raya, dia terdengar suara kawannya dari jauh. Ahmad menoleh kepalanya ke arah kawannya.

Bunyi kereta yang kuat mengisi ruang udara tetapi sudah terlambat. Ahmad telah rebah dilanggar kereta.

Ahmad dibawa ke hospital. Tangan Ahmad cedera teruk dan ada kemungkinan besar yang Ahmad tidak boleh bermain piano lagi. Ahmad menangis kehampaan mendengar berita itu. Ahmad pasti berita itu akan menghancurkan hati ibunya. Tanpa Ahmad sedari, ibunya ada di sampingnya apabila doktor memberitahu akan keadaan Ahmad. Ahmad melihat titisan air jernih jatuh berguguran dari sudut mata ibunya. Ibu Ahmad terus mendakapnya lalu melafazkan kata-kata kesal. Ahmad adalah permata hati ibunya yang tidak boleh diganti.

Ahmad memberitahu ibunya yang walaupun dia tidak boleh menjadi anak yang sempurna tetapi dia cuba untuk menjadi anak yang terbaik untuk ibunya.



Siti Insyirah Bte Ismail
Darjah 6 Gracious
Sekolah Rendah
Jurong







Siti mengeluh lagi. Bagaimana dia harus menerangkan hal ini kepada ibunya. Siti dapat bayangkan reaksi ibunya apabila dia mengetahui apa yang terjadi. Satu lagi keluhan terlepas dari mulut Siti.

Tiba-tiba, Siti melihat ibunya berdiri tercegat di pintu biliknya. Siti masih belum bersedia untuk memberitahu ibunya hal yang sebenar. Dia risau akan perasaan ibunya.

Sebenarnya, Siti disahkan menghidap penyakit barah. Dia diberitahu oleh doktor pakar di hospital pada bulan Jun yang lalu selepas membuat rawatan di bahagian perutnya kerana selalu berasa sakit. Siti berasa amat sedih dan risau akan penerimaan ibunya.

"Mengapa muka kamu pucat Siti? Kamu ada masalah?" tanya ibu Siti.

"Eh, tidaklah ibu, Siti tidak apa-apa. Cuma penat sedikit," jawab Siti dengan suara yang letih.

Ibu Siti pun keluar ke dapur untuk menyiapkan makan malam mereka berdua. Ibu Siti berasa senang hati semasa dia sedang memasak selepas melihat muka Siti yang sangat pucat seperti ditoreh tiada berdarah.

Selepas ibu Siti menyusun makanan di atas meja, dia memanggil Siti untuk makan bersama tetapi Siti tidak menyahut panggilan ibunya. Ibu Siti pun pergi ke bilik Siti.

Sampai sahaja di bilik Siti, ibunya mula berleter kerana Siti masih belum bangun. Sejurus kemudian, ibu Siti sedar bahawa Siti tidak sedarkan diri walaupun ibunya sudah mengejutkannya beberapa kali. Ibu Siti berasa cemas. Ibu Siti terus menelefon ambulans dengan segera.

Beberapa minit kemudian, ambulans pun sampai. Siti dibawa ke hospital dengan segera. Air mata ibu Siti mula mengalir bagaikan empangan air yang pecah. Ibu Siti berasa amat risau akan keadaan anaknya. Dia terkejut kerana Siti tidak pernah mengadu apa-apa kesakitan kepada ibunya.

Pada keesokan harinya, ibu Siti dipanggil untuk bertemu Doktor Hafiz. Ibu Siti diberitahu bahawa Siti menghidap barah perut. Barahnya sudah semakin teruk. Ibu Siti terperanjat lalu menangis. Dia berasa amat sedih terhadap nasib anak kesayangannya.

Siti harus menjalani beberapa rawatan

susulan. Rawatan kimoterapi menyebabkannya semakin lemah dan tidak ada selera untuk makan. Siti mengimbas kembali pada masa bahagia bersama ibu bapanya. Air matanya mengalir ke pipi. Dia mahu menjadi sihat semula supaya dapat meluangkan masa bersama ibunya.


Selepas beberapa bulan di hospital, Siti dibenarkan pulang. Siti berasa amat gembira. Dia tidak sabar untuk berjumpa dengan kawan-kawannya. Siti sudah pulih dan dia nampak begitu ceria seperti dahulu. Siti berasa amat bersyukur dan berterima kasih kepada ibunya kerana menjaganya di hospital ketika dia sakit.

Harapan Siti untuk meluangkan masa dengan ibunya tercapai. Dia dikenali sebagai salah seorang pesakit barah yang berjaya melawan barahnya.



Nur Wahidah Adha Bte Mohd Basri

Darjah 6 Integrity
Sekolah Rendah Jurong



Bintik-bintik peluh mengalir dari dahi ke pipi Amir. Sekolah sudah tamat pada hari itu. Letih sungguh Amir. Amir mahu cepat pulang ke rumah supaya dia dapat menghempas badannya ke katil yang empuk. Amir penat kerana dia telah menelaah pelajarannya selama tiga hari berturut-turut hingga lewat malam untuk peperiksaannya. Amir pun mempercepatkan langkahnya untuk pulang ke rumah.

Akhirnya, Amir tiba di kolong bloknya. Tiba-tiba, ada seekor kucing menghampirinya sambil mengiau. Amir kasihan melihat kucing itu. Bulu kucing itu berwarna coklat dan bertompok-tompok hitam. Amir mengusap kepalanya perlahan-lahan.

"Haish, Jikalau aku dapat memelihara kucing ini, mesti aku tidak keseorangan di rumah," bisik hati kecil Amir.

Amir selalu keseorangan di rumah kerana kedua-dua ibu bapa Amir selalu sibuk bekerja. Tiba-tiba Amir teringat bahawa hari itu, ibunya tidak bekerja kerana sakit gigi. Amir bergegas pulang ke rumah untuk meminta izin ibunya untuk memelihara kucing yang jinak itu. Bila sampai sahaja, Amir memberi salam lalu terus berlari ke bilik ibunya.

"Ibu, tadi dalam perjalanan pulang, Amir terjumpa kucing yang berwarna coklat. Comel sungguh! Bolehkah Amir memeliharanya? Ibu dan ayah asyik sibuk bekerja dan Amir tiada kawan," pujuk Amir.

Ibu Amir faham akan keadaan anaknya itu. Dia pun memberi keizinan kepada Amir untuk memelihara kucing itu. Amir sangat berterima kasih kepada ibunya dan tidak berhenti tersenyum kerana tidak lama lagi, dia ada kawan di rumah.

Amir pun meluru ke kolong blok. Amir cuba mencari kucing itu di sekeliling kolong blok tetapi gagal menjekainya.

Tiba-tiba Amir ternampak seorang lelaki yang berbaju hitam. Badannya sasa. Amir tidak dapat melihat wajah lelaki itu kerana dia membelakangnya. Lelaki itu sedang mengangkat sebuah kotak yang besar. Dia kelihatan seperti mahu menangkap sesuatu. Amir memerhatikan lelaki itu. Tiba-tiba, Amir ternampak kucing yang dicarinya di depan lelaki itu. Fikiran Amir dirasuk andaian yang bukan-bukan. Amir takut lelaki itu akan mengapa-apakan kucing itu.

Amir tidak tahu apa yang patut dilakukan. Amir ligat berfikir.

Ikutkan hatinya, mahu sahaja dia mendekati lelaki itu dan bertanya apa sebenarnya yang mahu dilakukannya. Disebabkan Amir tidak mahu kucing itu diapa-apakan, Amir pun membuat keputusan untuk bertanya niat lelaki itu.

"Urm, maafkan saya. Apa yang Encik mahu lakukan dengan kotak besar ini? Encik ingin mencuri kucing inikah?" soal Amir.

"Hah? Mencuri? Bukan! Kucing ini sebenarnya milik saya. Ia sudah hilang selama lima hari. Syukurlah, saya dapat menjumpainya. Saya rindu sekali dengan kucing saya," jawab lelaki itu.

Mulut Amir terkunci. Hatinya pecah seribu. Setelah itu, Amir pulang ke rumah.

"Eh, Amir. Mana kucing itu?" tanya ibunya.

"Kucing itu sudah dimiliki orang lain," jawab Amir sambil berjalan ke biliknya.

Amir menutup pintu biliknya lalu menghempaskan badannya ke katil. Dia kecewa.

Beberapa bulan kemudian, tibalah hari keputusan peperiksaan PSLE diumumkan. Amir berasa takut. Namun, dia berharap yang dia akan mendapat keputusan yang cemerlang.

Akhirnya, nama 'Amir Hamzah' dipanggil. Amir mengambil keputusannya dan alangkah terkejutnya Amir apabila dia mendapat keputusan yang cemerlang untuk semua subjek! Sinar gembira mengerlip di matanya. Amir bergegas mendapatkan ibunya.

"Ibu! Lihat ini! Amir mendapat keputusan yang cemerlang untuk semua subjek!" teriak Amir.

"Ini berita yang menakjubkan! Tahniah Amir! Sebagai hadiah, ibu akan membelikan seekor kucing untuk kamu," jawab ibunya.

Rasa gembira meruap di dada Amir. Amir tidak sangka dia akan mendapat apa yang dihajatnya. Dia berasa tidak sabar dan berjanji akan menjaga kucing dengan baik.



Syarifah Asyura
Darjah 6A
Sekolah Rendah
Dazhong



LINA SEORANG ANAK TUNGGAL...

Kuratap diriku di cermin, aku yang duduk di kerusi roda. Peristiwa ini bagaikan noda yang tidak boleh dihilangkan oleh waktu. Sudah sebelas tahun lamanya, peristiwa ini masih sahaja menghantui diriku setiap hari. Andai aku boleh memutar balik waktu, tetapi apa boleh buat, aku bukan Tuhan. Hukuman dari Tuhan ini sudah membuatku jera dalam sekelip mata.

Aku adalah seorang anak tunggal yang selalu dimanjakan oleh ibu bapaku. Aku terlalu disayangi oleh mereka sampai apapun yang aku mahu, mereka akan berikan meskipun harganya menjulang tinggi. Aku selalu berfikir bahawa orang berada seperti aku akan kekal berada selamanya, tetapi syukurlah, Tuhan telah membangunkanku dari dunia khayalan. Aku sangat suka menghina orang gajiku, tanpa mengetahui rasa sakit yang terpendam di hati mereka.

Sampai suatu hari, saat aku melihat orang miskin yang sedang merogoh dompetnya dengan pandangan kosong, bukannya aku membantu, aku hanya tersenyum sinis dan berjalan terus dengan hidung tinggi. Ingatanku mula menggali lebih jauh ke masa lampau. Aku mula teringat seketika aku sedang berjalan pulang dan aku terlihat orang miskin, aku lontarkan tawaan menghina, bukannya menderma.

Pada suatu hari, Tuhan menginsafkan aku. Ayah telah dipecat dan beliau tidak mampu melunaskan hutang bank yang melebihi seratus ribu dolar. Pada saat aku pulang sekolah, matakul langsung terbeliak. Aku cuba untuk memujuk diriku bahawa itu hanyalah mimpi buruk. Perabot mewah, televisyen, dan barang-barang rumah entah di mana. Mata ibu sudah dihujani air mata. Wajahnya pucat lesi. Tangannya terketar-ketar cuba mendakapku.

"Oh... Mengapakah ini boleh terjadi? Apakah yang akan teman-temanku katakan nanti?" aku berkata pada diriku sendiri dengan air mata yang mula merembes keluar dengan derasnya.

Aku berlari keluar dengan pantas seperti lipas kudung. Fikiranku kacau. Tiba-tiba, seorang lelaki berbaju lusuh dan kelihatan compang-camping mendekatiku meminta derma. Langkahku terputus. Aku takut. Aku berasa ganjil. Aku memutuskan untuk pulang balik ke rumah. Saat aku menyeberang, tanpa aku sedari sebuah kereta hitam sedang memecut pantas ke arahku.

Rasa sakit itu masih kuingat kental dalam hati kecilku. Darah segar mula mengalir dari seluruh arah. Aku ingin memekik minta tolong tetapi tekakku terlalu kering. Aku ingin bangun untuk mencari sesuatu yang boleh menjadi papahanku, tetapi aku terjatuh. Orang-orang mula berlari dengan ketakutan mengisi hati mereka kerana keadaanku yang amat mengerikan seperti mayat hidup. Matakul mula redup dan terpejam perlahan demi perlahan menuju ke gerbang dunia fiksi.

"Aku di mana?" aku bertanya lemah apabila terbangun dari tidur nyenyakku.

Aku lihat wajah ibu bapaku yang pucat lesi. Mereka tersenyum tawar melihatku. Pertama, aku tidak tahu apa yang terjadi. Aku hanya menjalani hari biasa untuk beransur pulih dan aku tidak dibenarkan untuk meninggalkan katilku. Kerana sudah selesai membaca semua majalah yang ada, aku cuba untuk melihat catatan kesihatanku.

"Jangan!" pekik ibu dengan kuat.

Air mata mula menitis sedikit demi sedikit. Aku sudah insaf. Semua ini ada hikmahnya bagiku. Aku harus tahan hati. Kupanjatkan doa setiap hari meskipun keajaiban tidak mungkin terjadi bagiku. Aku hanya boleh menerima kenyataan pahit ini.

"Lumpuh sepenuhnya," dua perkataan yang ditulis di catatan kesihatanku.



Delfina Poernomo
Darjah 6 Emerald
Sekolah Rendah
Keming

SATU PERISTIWA YANG MENYEDARKAN SAYA PENTINGNYA PERSAHABATAN

Aku terpinga-pinga. Sebelum aku memulakan perjalanan ke sekolah, kawan baikku, Lia, telah menghantar pesanan ringkas kepada aku. Dia memberitahu aku untuk berjumpa dengannya. Dia telah memberikan maklumat tentang di mana dan bila untuk bertemu dengannya. Tiba-tiba, aku menjadi hairan. Pasti dia mahu memberitahu aku tentang sesuatu perkara. Mungkin, perkara yang tidak begitu baik. Namun, aku tidak sabar ingin berjumpa dengannya. Aku pun meneruskan langkahku ke sekolah.

Setibanya di kantin sekolah, jam menunjukkan pukul tujuh pagi. Aku tiba tepat pada masanya untuk berjumpa dengan Lia. Aku berjalan ke arah kedai buku sekolah. Di situ, aku ternampak Lia. Wajahnya putih macam mayat. Aku bergegas ke arah Lia.

"Maya, saya ada suatu perkara penting untuk beritahu awak," kata Lia teragak-agak.

Senyuman aku pudar. Mataku terbeliak. Kata-kata Lia tidak masuk ke akalku. Kawan baikku yang selalu kelihatan ceria sebenarnya sedang menghadapi penyakit barah. Mengapa dia hanya memberitahu aku sekarang? Kemarahan jelas terpancar di wajahku. Sebelum Lia dapat berkata apa-apa lagi, aku bergegas meninggalkannya keseorangan.

Semasa di dalam kelas, aku tidak dapat memberikan sepenuh perhatian. Aku sedang memikirkan tentang Lia. Aku sedar akan kepentingan persahabatan kami. Namun, aku tidak mahu berkawan dengan Lia. Aku teringat bahawa kakakku juga pernah berkawan dengan seseorang yang menghadapi penyakit barah. Kakakku diusik oleh rakan-rakan sedarjahnya. Aku tidak mahu perkara itu terjadi kepada diriku. Aku sudah membuat keputusan untuk memutuskan persahabatanku dengan Lia.

Semasa waktu rehat, aku ternampak Lia sedang duduk di bangku. Aku menelan air liur dan mengumpul keberanian di dalam diriku. Aku berjalan mendekatinya. Aku melihat matanya lalu aku berkata bahawa aku mahu memutuskan persahabatan kami. Aku tidak memberikan peluang kepada Lia untuk bercakap dan hanya beredar meninggalkannya dalam keadaan terdiam. Pada mulanya, aku berasa ragu-ragu untuk meluahkan hasratku itu kepada Lia. Namun, kini aku lega.

Pada keesokan harinya, apabila aku sedang berjalan di koridor bilik darjah sebelum ke dewan sekolah, aku terserempak dengan Anis. Anis ialah rakan sekelasku yang selalu membuli dan mengusik aku. Dia selalu mencari masalah dengan aku. Apabila aku hendak berjalan di hadapannya, dia menolak aku ke lantai. Kemudian, dia terus berlalu pergi. Aku rasa tersinggung. Aku berdiri kembali. Aku teringat bahawa selalunya Lia yang akan mempertahankan aku daripada dibuli Anis. Pada saat itu juga, aku merindui Lia.

Sudah seminggu aku mengelak daripada berjumpa dengan Lia. Sepanjang minggu itu juga ialah minggu yang malang bagi diriku. Aku diusik dan dibuli hampir setiap hari. Aku berasa sedih kerana bukan sahaja Anis, malah, hampir semua rakan kelas aku telah mengganggu aku. Aku menyesal. Aku mula membenci diriku sendiri. Aku telah membuat kesilapan. Aku tidak harus memutuskan persahabatanku dengan Lia hanya kerana penyakitnya.

Semasa waktu rehat, aku duduk di bangku di hujung sekali di mana tiada sesiapa boleh melihat aku. Aku hendak menangis. Air mataku bergenang. Tidak lama kemudian, air mataku berlinang dan membasahi pipiku. Kemudian, aku terasa seseorang meletakkan tangannya di bahuku. Aku mengenali dia. Lia! Aku malu. Walaupun aku tidak mahu berkawan dengannya lagi, Lia masih menyayangi aku. Aku hanya memeluk Lia dengan kuat tanpa berkata apa-apa.

"Lia, saya minta maaf. Saya tidak seharusnya memutuskan persahabatan kita," aku berkata kepada Lia.

Lia tersenyum dan duduk di sebelah aku. Aku terus memberitahunya bahawa aku benar-benar menyesal. Aku pun berkata bahawa persahabatan kami amat berharga. Aku meminta maaf sekali lagi. Peristiwa ini telah menyedarkan aku tentang pentingnya persahabatan.



**Nur Asyura Binte
Kamarulzaman**
Darjah 6 Integrity
Sekolah Rendah Princess
Elizabeth

SUATU PERISTIWA YANG TIDAK DISANGKA-SANGKA

Luas bahagian di dalam bangunan itu hanyalah sekitar tiga meter lebar dan lima meter panjang. Tiada sebarang bilik mahupun pembahagi di antaranya. Juga tidak terdapat sebarang tingkap. Keadaan bangunannya amat usang. Terdapat sarang labah-labah di sana sini yang menambahkan lagi keadaan usangnya.

Tempat itu amat berhabuk. Terdapat banyak kotak buruk di dalam bangunan itu. Apa yang menarik perhatianku adalah sebuah kotak yang kira-kira satu setengah meter tinggi dan lebarnya. Kotak itu adalah kotak yang paling besar di dalam bangunan itu. Ting! Kakiku tiba-tiba menjadi kebas. Aku seakan-akan terpaku di situ apabila aku menunduk ke bawah untuk melihat apa yang telah aku pijak. Aku telah terpijak sebilah pisau berkarat yang dipenuhi dengan bekas-bekas merah yang sudah kering. Ketakutan mula bergayut di sudut hatiku. Aku menarik nafas dalam-dalam dan menuju ke arah kotak besar itu lagi. Aku mulai sedar ada suatu bau busuk yang tidak elok dan menusuk hidung seperti ada bangkai di dalam kotak itu. Aku membuka kotak itu dengan perlahan-lahan kerana terdorong oleh perasaan ingin tahu.

Fikiranku penuh dengan dilemma. Kepalaku digayuti keserabutan.

Adakah kotak yang berbau busuk itu mengandungi sesuatu yang berharga? Atau adakah kotak itu hanya berisi bangkai binatang? Debaran jantungku mula melebihi paras normal. Mulutku terkunci rapat apabila aku membuka kotak itu. Lidahku seperti dikelukan oleh sesuatu kuasa. Aku tidak percaya apa yang telah aku jumpai. Kotak itu berisi mayat seorang bayi. Keadaan mayat bayi itu sungguh menyayat hati. Mayat itu dibalut dengan kain putih tetapi kain itu dipenuhi darah yang sudah kering. Jiwaku digodam kekejutan. Tekakku menjadi mual. Mataku mula memandang pisau yang masih terlantar di lantai tadi dan pandanganku beralih semula pada mayat bayi itu.

"Ya Allah, berapa lamakah mayat ini di dalam kotak ini? Siapakah yang sanggup membunuhnya?" aku tertanya-tanya sambil menggeleng-gelengkan kepalaku.

Aku dengan segera mengeluarkan telefon bimbitku dari beg galasku.

Aku memicit butang telefon bimbitku bertubi-tubi. Tanganku menggeletar kerana tidak pernah menyangka tindakanku untuk meneroka bangunan usang di tepi tasik itu akan membawa penemuan yang mengerikan itu. Tidak lama kemudian, bangunan itu dikepung oleh pihak polis. Apabila polis sedang menyiasat bangunan itu, aku teringat apa yang telah terjadi dua tahun lepas.

"Seorang pembunuh dan seorang anak kecil berumur satu



tahun dilaporkan hilang. Mayat ibu kepada bayi yang malang itu pula telah dijumpai berdekatan dengan sebuah tasik. Menurut laporan polis, suami kepada mangsa pembunuhan itu berkata bahawa tempat terakhir beliau ternampak isteri dan anaknya adalah di tepi sebuah air terjun yang terletak di Sungai Beringin. Mereka sedang berkelah semasa isteri dan anaknya hilang. Sejak hari itu, pembunuh dan anak kecil itu tidak dapat dijumpai. Jika kamu ternampak seorang lelaki yang sekitar 1.80 meter dan mempunyai parut di tangan kanannya, sila menghubungi pihak polis secepat mungkin," lapor seorang pembaca berita di televisyen nasional.

Penemuan mayat bayi itu rupa-rupanya ada kaitan dengan misteri pembunuhan itu. Mungkin pembunuh yang dicari-cari oleh pihak polis ialah ayah kepada bayi yang malang itu. Dia cuba menyembunyikan mayat bayi itu di dalam bangunan itu. Misteri itu sudah terlerai! Aku meluahkan kesangsianku tentang apa yang mungkin terjadi kepada seorang pegawai polis yang sedang bertugas. Pihak polis pun mula membuka semula kes pembunuhan itu. Pisau yang dijumpai itu dijadikan bukti baru. Mungkin ada cap jari pembunuh itu.

Selepas beberapa minggu, pihak polis mengesahkan siapa yang telah membunuh bayi berdasarkan cap jarinya dan kesan DNA yang terdapat pada pisau yang dijumpai. Polis juga mengesahkan bahawa lelaki itu masih hidup dan sudah ditahan.

Hakim telah menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup. Pada keesokan harinya, namaku telah terpapar di dada akhbar. 'Misteri pembunuhan yang tergantung selama ini akhirnya dapat diselesaikan.'

"Cerita di sebalik misteri ini adalah pembunuh itu sebenarnya suami mangsa yang terbunuh. Beliau telah berlaku curang terhadap isterinya tetapi takut untuk menceraikan isterinya disebabkan tuntutan nafkah. Untuk menyelesaikan masalah itu, lelaki itu telah membunuh isteri dan anaknya yang tidak berdosa," lapor seorang wartawan semasa siaran warta berita.

Mataku masih tertancap pada kaca televisyen di ruang tamuku. Hatiku membara

mengenangkan nasib arwah anak dan isteri pembunuh itu. Kalau diikutkan hati, pembunuh itu patut dijatuhkan hukuman mati kerana tindakannya yang tidak berperikemanusiaan. Apakah agaknya nasib pembunuh itu jikalau aku tidak terjumpa bangunan usang itu?



Fitri Nurbalqis
Darjah 6 Amethyst
Sekolah Rendah Keming

Apakah perbezaan *dari* dan *daripada*?

Perkataan *dari* dan *daripada* ialah kata sendi.

dari

Perkataan *dari* digunakan untuk :

Pasukan pengakap itu bergerak dari kaki Gunung Kinabalu.

Kakak baru balik dari Pusat Beli-belah Westmall.

Menyatakan tempat atau arah

Menyatakan waktu atau masa

Murid-murid itu sudah berada di sana dari pagi tadi.

Pengunjung akan dapat menyaksikan persembahan itu dari jam tujuh hingga sepuluh malam.

daripada

Perkataan *daripada* digunakan untuk :

Penjaga gawang itu berjaya menahan bola daripada pemain pihak lawan.

Amirah mengasingkan dirinya daripada kumpulan murid-murid yang nakal.

Menyatakan punca (orang)

Menyatakan sumber atau asal-usul sesuatu kejadian

Perabot-perabot itu dibuat daripada bahan-bahan yang dikitar semula.

Nama negeri kita ini berasal daripada nama singa.

Menyatakan perbezaan atau perbandingan kejadian

Aiman lebih tinggi daripada abangnya.

Sayur-sayuran lebih berkhasiat daripada makanan yang digoreng.

Cuba

Sekarang, mari kita cuba latihan berikut :

1. Hadiah itu diterima (dari / daripada) sepupunya yang tinggal di Dubai.
2. Beg abang saya itu diperbuat (dari / daripada) kanvas.
3. Pelbagai maklumat yang boleh diperolehi (dari / daripada) internet.
4. Abang Faris baru pulang (dari / daripada) London semalam.

Sumber dari: https://finta.moe.edu.sg/.mekar/slot/u100/arkib/2012/.mei/tanya_cikgu_bestari.htm



MASA ITU EMAS



Mutiara Kata:

Masa Itu Emas

Maksudnya:

Masa itu sangat berharga

Contoh ayat:

Janganlah kita membuang masa dengan melakukan perkara yang sia-sia kerana masa itu emas.

Haikal ialah seorang budak yang malas dan suka menanggung kerjanya. Bapanya selalu berpesan supaya membuat sesuatu kerja dengan cepat dan tepat pada waktunya.

Pada suatu hari, selepas pulang dari sekolah, Haikal terus mencampakkan begnya lalu pergi bermain bola bersama kawan-kawannya. Dia sepatutnya belajar untuk ujian kelas pada keesokan hari. Namun, Haikal merasakan bahawa dia ada lebih banyak masa untuk belajar pada waktu malam nanti.

Selepas makan malam bersama keluarga, Haikal duduk di ruang tamu sambil menonton televisyen.

Dia melihat jam di dinding lalu berkata, "Masih ada banyak masa lagi. Aku akan belajar selepas aku menonton rancangan kegemaranku."

"Kring!" Jam loceng berbunyi.

Haikal terbangun pada keesokan harinya. Matanya membulat dan mulutnya melopong ketika memandang jam. Sudah pukul tujuh pagi! Dia belum belajar untuk ujian kelas dan mengemas beg sekolahnya. Dia segera bersiap-siap untuk pergi ke sekolah.

Malangnya, Haikal sampai lambat ke sekolah. Dia dimarahi guru kerana terlupa untuk membawa buku Matematik ke sekolah. Lebih teruk lagi, dia gagal dalam ujian kelas kerana tidak belajar. Haikal kesal.

Kejadian itu telah merugikan diri Haikal. Dia sepatutnya menyelesaikan kerja-kerja yang penting dan tidak menanggung. Sejak dari hari itu, dia akan selalu ingat pepatah Melayu, **masa itu emas**. Dia pelajari untuk menghargai masa dan tidak membuat perkara yang sia-sia.

TIPS MENGARANG



- Kemahiran menulis atau mengarang merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang dilalui.
- Penekanan dalam kemahiran menulis ialah terhadap penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul

1 Pendahuluan

- dalam satu perenggan sahaja
- dua atau tiga baris ayat sahaja
- berkaitan dengan kehendak soalan

2 Isi

- bahagian yang terpenting dalam sesuatu karangan
- isi-isi yang diceritakan haruslah berkaitan dengan soalan
- ditulis dengan bahasa yang menarik dan mudah difahami

3 Penutup

- setiap karangan haruslah mempunyai penutup
- penutup yang baik merupakan kesimpulan tentang apa yang telah kamu tuliskan sebelumnya

Ciri-ciri sebuah karangan yang menarik



penggunaan dialog



pemerenggan yang sesuai



pelbagai teknik seperti teknik imbas kembali



tulisan yang kemas



menggunakan frasa berbunga dan peribahasa



telah menerangkan

- apa?
- siapa?
- bila?
- mengapa?
- bagaimana?
- di mana?



kupasan latar dan watak dengan menarik



menyentuh nilai dan moral di dalam karangan

Datuk Harimau



Kebanyakan kanak-kanak pada zaman sekarang dilihat begitu asyik bermain dengan permainan di alat teknologi maklumat seperti telefon bijak ataupun iPad. Apa kata, alat-alat itu kesemuanya diletakkan ke tepi dan kita cuba satu permainan tradisional dalam segmen budaya bagi terbitan pertama ini. Ayuh!

Permainan tradisional yang dimaksudkan ialah permainan Datuk Harimau. Kanak-kanak dapat bergerak aktif apabila melakukan permainan ini. Permainan ini dimainkan dengan cara berlagu yang berbentuk soal jawab. Lagu yang dinyanyikan dapat juga mengajar kanak-kanak tentang nombor satu hingga dua belas.

Ada dua pihak yang memainkan permainan ini iaitu, satu pihak digelar sebagai Datuk Harimau dan satu pihak lagi dipanggil sebagai anak ayam. Bilangan pemain dalam permainan ini ialah antara lima hingga lima belas orang. Permainan dimulakan dengan pemilihan Datuk. Selepas seorang pemain dipilih menjadi Datuk Harimau, pemain-pemain yang lain pula akan berperanan sebagai anak-anak ayam.

Ketika permainan dijalankan, Datuk Harimau berjalan di hadapan sementara semua anak ayam yang akan bertanya kepada Datuk Harimau mengikutnya dari belakang. Mereka akan mengikut ke mana sahaja arah Datuk Harimau. Mereka berjalan secara berkumpulan

dan jarak antara anak ayam dengan Datuk Harimau agak jauh supaya tidak mudah bagi Datuk Harimau menangkap mereka nanti.

Soalan daripada anak-anak ayam secara beramai-ramai akan berbunyi, "Datuk Harimau, pukul berapa?" Kemudian Datuk Harimau akan menjawab, "Pukul satu."

Soal jawab ini berterusan dinyanyikan sehingga jawapan Datuk Harimau mencapai "Pukul dua belas." Apabila kedengaran jawapan, "Pukul dua belas" sahaja, semua anak ayam akan berlari bertempiranan kerana mereka akan dikejar oleh Datuk Harimau itu. Pemain yang berjaya ditangkap akan menjadi Datuk Harimau dan gilirannya pula akan mengejar pemain lain. Seronok, bukan? Ayuh, kita cuba permainan tradisional ini!

Bibliografi

<https://www.slideshare.net/sivahsri/permainan-kecil-edu>

<http://documents.tips/documents/pukul-berapa-datuk-harimau.html>

Hajah Hasimah Haji Hanafi. Inambang: Kumpulan Permainan Kanak-kanak Tradisional Brunei Darussalam. Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 1993.

CARI JALAN



ISI DAN KULIT



BAGAI LEBAH MENGHIMPUN MADU



TEKA - APAKAH PERIBAHASA INI?



Mari Berpantun

Apa itu pantun?

Pantun sejenis puisi lama yang biasanya terdiri daripada empat baris dalam tiap-tiap rangkap (dua baris pertama merupakan pembayang maksud dan selainnya mengandungi maksudnya).

Contoh

Pohon sena di hujung jalan,
Tempat tempua membuat sarang; } pembayang

Lurus akal menjadi amalan,
Barulah hidup disanjung orang. } maksud

Ciri-Ciri Pantun:

- Baris pertama dan kedua merupakan baris pembayang.
- Baris ketiga dan keempat merupakan baris maksud.
- Hujung rima a,b,a,b

Peraduan ini dibuka kepada 4 kategori.

Kategori A	Kategori B	Kategori C	Kategori D
murid darjah 4 sahaja	murid darjah 5 sahaja	murid darjah 6 sahaja	semua penduduk dewasa (BBE)

Arahan untuk kategori A, B dan C

Padankan pembayang pantun dengan maksud yang telah disediakan dan tulis semula di borang penyertaan.

Arahan untuk kategori D

Hasilkan pantun 4 kerat yang bertemakan peribahasa, **murah hati** (orang yang suka berikan bantuan) dan tulis semula di borang penyertaan.

Syarat-syarat penyertaan untuk kategori A,B dan C

1. Satu penyertaan bagi setiap kategori.
2. Penyertaan khusus untuk murid-murid sekolah rendah dari 9 buah sekolah yang terlibat.
3. Borang penyertaan harus dihantar kepada guru sekolah masing-masing selewat-lewatnya **11 November 2017**.

Syarat-syarat penyertaan untuk kategori D

1. Satu penyertaan sahaja yang dibenarkan.
2. Penyertaan khusus untuk penduduk Bukit Batok East (BBE).
3. Borang penyertaan harus dihantar kepada Puan Yati di Bukit Batok East Community Club selewat-lewatnya **11 November 2017**.



Pembayang

Pembayang pantun untuk kategori A, B dan C.

Kategori A

Pergi memburu di dalam hutan,
Rehat sebentar di pohon beringin;

Kategori B

Burung terbang mencari makan,
Buat si anak di dalam sarang;

Kategori C

Bunga mawar di hujung bandaran,
Dipetik oleh Puan Rozita;

Maksud

Jawapan untuk Maksud Pantun untuk kategori A, B dan C.

Muka tembok jangan diamalkan,
Kelak akan dibenci orang.

Tajam akal anugerah Tuhan,
Gunakanlah ia sebaik mungkin.

Perah tenaga dijadikan sandaran,
Barulah kejayaan menyusul kita.

Borang

Kategori: A / B / C / D*



Nama: _____

Kelas (untuk sekolah): _____

Untuk Penduduk BBE

Alamat: _____

Nombor telefon: _____

* Bulatkan kategori yang sesuai.

I am Melayu

Aku Melayu
Mukaku Melayu
Senyumku Melayu
Tutur Kataku Melayu
Etikaku Melayu

Aku Melayu

Sayangnya kini Melayu hilang
Hilang santun tutur bicaranya
Hilang hapus gerak hatinya
Hilang mantap guna bahasanya
Canggung terserlah bila bicara

Sering di kuping telingaku
Bisikan agung pepatah Melayu
Biar mati anak
Jangan mati adat

Malangnya
Melayu kini kuat bersorak
Hingga tergadai masih bersorak
Pekik hingga suaranya serak

Ayuh Semua
Kita bangkit bersama-sama
Susur meliku jalan keluar
Jangan tunduk tersipu-sipu
Malu berkayuh perahu hanyut

Aku Melayu
I am MALAY.....

Dihasilkan oleh
Cikgu Fadial Jamaludin
Sekolah Rendah Lianhua



DZAR ISMAIL



Segmen Singa Maksima di stesen radio Ria 89.7FM dikendalikan oleh penyampai terkenal, **Dzar Ismail**. Menemani para pendengar pada setiap petang Isnin hingga Jumaat, rancangan ini diserikan dengan sembang ceria beliau. Ayuh kita ketahui lebih lanjut tentang kerjaya sebagai seorang penyiar!

Apakah nama penuh anda?

Nama penuh saya adalah Muhammad Dzar bin Ismail, disingkatkan kepada Dzar Ismail.

Sila berkongsi tentang latar pendidikan anda?

Saya berkelulusan Diploma dalam Pendidikan (NIE).

Sedikit penerangan tentang pekerjaan anda?

Saya bertugas sebagai seorang penyiar di radio Ria 89.7FM. Saya mengelolakan ruangan Singa Maksima pada jam 2 hingga 4 petang, dan Rembat Pendapat pada jam 4 hingga 6 petang. Dalam masa yang sama, saya juga penulis skrip bagi rancangan televisyen, pengacara dan penghibur. Saya juga menghasilkan video-video tular untuk tontonan umum di laman media sosial.

Bagaimanakah perjalanan kerjaya anda?

Saya ditawarkan bekerja bersama radio Ria 89.7FM ketika masih mengajar di peringkat sekolah rendah. Pada waktu itu saya mengajar

Bahasa Inggeris dan mata pelajaran Sains. Saya mengambil keputusan untuk berkecimpung dalam bidang penyiaran kerana minat yang mendalam sejak kecil lagi.

Apakah perkara menarik mengenai pekerjaan anda / perkara menarik yang pernah berlaku sepanjang kerjaya anda?

Saya diberikan peluang untuk menemu ramah individu dari pelbagai latar belakang. Konsultan, menteri, artis, peguam, usahawan, bekas banduan dan ramai lagi. Peluang ini membuka minda saya untuk memahami perspektif dari semua lapisan masyarakat. Mereka berkongsi kisah-kisah menarik yang jarang dapat anda secara umum.

Apakah cabaran yang pernah anda hadapi?

Saya pernah kehilangan suara ketika menyampaikan berita. Sebagai penyiar, suara adalah aset yang sangat penting dalam pelaksanaan tugas. Lantas penting untuk kami sebagai penyiar menjaga mutu suara.

Apakah impian anda terhadap kerjaya?

Impian saya adalah untuk menjadi hos rancangan talk show yang masyhur di Asia Tenggara.

Apakah kata-kata perangsang yang ingin anda kongsi dengan para pembaca Cetusan 9.0? Seekor ikan akan sentiasa rasa dirinya jahil sekiranya kemahirannya itu dinilai dengan kemampuannya untuk memanjat pokok.

Ditaja oleh



Bekerjasama dengan

